

HASiL/2026/09/04 – 46

MAKLUMAN PELANTIKAN BAHARU DAN PELANTIKAN SEMULA
ANGGOTA LEMBAGA HASiL

CYBERJAYA, 4 SEPTEMBER 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa mulai **1 September 2026**, **YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin bin Samitah, Mayor Bandaraya Kota Kinabalu** dilantik sebagai Anggota Lembaga HASiL mewakili negeri Sabah, manakala **YBrs. Puan Farahana binti Rabidin, Penggubal Undang-Undang Parlimen, Jabatan Peguam Negara** dilantik sebagai Anggota Lembaga HASiL mewakili Peguam Negara.

Pada masa yang sama, **YBhg. Dato' Sri Dr. Wan Lizozman bin Wan Omar, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak**, telah dilantik semula sebagai Anggota Lembaga HASiL yang mewakili Negeri Sarawak untuk tempoh dua tahun, **berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2026 hingga 31 Julai 2028**.

YBhg. Dato' Sri Dr. Haji Sabin sebelum ini pernah menerajui HASiL sebagai Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) sebelum dilantik sebagai Mayor Bandaraya Kota Kinabalu.

Pengalaman luas beliau dalam percukaian, pencegahan jenayah kewangan dan pentadbiran awam melengkapkan peranan beliau dalam memperkukuh hala tuju dan tadbir urus HASiL.

Sementara itu, YBrs. Puan Farahana memiliki pengalaman yang luas dalam bidang perundangan, khususnya berkaitan penggubalan undang-undang. Beliau kini berkhidmat sebagai Penggubal Undang-Undang Parlimen di Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengalaman dan kepakaran beliau dalam bidang perundangan diyakini dapat menyumbang kepada pengukuhan aspek tadbir urus serta pertimbangan berkaitan dasar dan perundangan dalam pelaksanaan tanggungjawab HASiL.

HASiL mengalu-alukan pelantikan kedua-dua Anggota Lembaga baharu ini dan pelantikan semula YBhg. Dato' Sri Dr. Wan Lizozman bin Wan Omar sebagai Anggota Lembaga HASiL. HASiL berharap agar pengalaman serta kepakaran yang dibawa dapat memperkukuh tadbir urus dan menyokong usaha berterusan HASiL dalam memperkasa pentadbiran hasil negara.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan

- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 4 September 2026

LAMPIRAN



DATO' SRI DR. HAJI SABIN BIN SAMITAH



DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR



PUAN FARAHANA BINTI RABIDIN